

# ANALISA TERHADAP AMALAN TERBAIK DAN CADANGAN STRATEGIK BAGI MEMANFAATKAN TANAH WAQAF UNTUK MEMPERKASAKAN INISIATIF KESELAMATAN MAKANAN DI MALAYSIA

*an analysis of best practices and strategic recommendations for leveraging  
waqf land to strengthen food security initiatives in malaysia*

Rahmawati Mohd Yusoff<sup>1\*</sup>

Sharifah Zubaidah Syed Abdul Kader<sup>2</sup>

Azhani Arshad<sup>3</sup>

Akmal Hidayah Halim<sup>4</sup>

Mohd Rilizam Rosli<sup>5</sup>

Mohammad Hidir Baharudin<sup>6</sup>

Rosnani Mohd Salleh<sup>7</sup>

Siti Mahfudzoh Mohd Hafiz<sup>8</sup>

<sup>1</sup> Pensyarah Kanan, Jabatan Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Johor, Kampus Segamat, 85000 Segamat, Johor, Malaysia. (E-mail: rahmawatimy@uitm.edu.my)

\*(Corresponding Author).

<sup>2</sup> Professor Dr., Ahmad Ibrahim Kulliyah of Laws, International Islamic University Malaysia, Jln Gombak, 53100 Kuala Lumpur, Selangor, Malaysia. (E-mail: sharifahz@iium.edu.my)

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia. (E-mail: azhani\_arshad@uitm.edu.my).

<sup>4</sup> Assoc. Prof. Dr., Ahmad Ibrahim Kulliyah of Laws, International Islamic University Malaysia, Jln Gombak, 53100 Kuala Lumpur, Selangor, Malaysia. (E-mail: akmalh@iium.edu.my)

<sup>5</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang, Jalan Purnama Bandar Seri Alam 81750 Masai Johor, Malaysia. (E-mail: rilizam@uitm.edu.my)

<sup>6</sup> Pensyarah, Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim, 80350 Johor Bahru, Johor, Malaysia. (Email: hidir@kuijsi.edu.my).

<sup>7</sup> Pensyarah Kanan, Jabatan Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Johor, Kampus Segamat, 85000 Segamat, Johor, Malaysia. (E-mail: rosna243@uitm.edu.my)

<sup>8</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia, (Email: mahfudzohhafiz@gmail.com)

## Article history

**Received date** : 21-9-2023  
**Revised date** : 22-9-2023  
**Accepted date** : 9-10-2024  
**Published date** : 15-10-2024

## To cite this document:

Mohd Yusoff, R., Syed Abdul Kader, S. Z., Arshad, A., Halim, A. H., Rosli, M. R., Baharudin, M. H., Mohd Salleh, R., & Mohd Hafiz, S. M. (2024). Analisa terhadap amalan terbaik dan cadangan strategik bagi memanfaatkan tanah waqaf untuk memperkasakan inisiatif keselamatan makanan di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (67), 325 - 334.

**Abstrak:** *Populasi Malaysia, yang dianggarkan sebanyak 33.7 juta pada tahun 2023, terus berkembang dengan kadar pertumbuhan populasi tahunan sebanyak 0.2 peratus, yang membawa kepada peningkatan keperluan bagi langkah-langkah keselamatan makanan yang kukuh. Walau bagaimanapun, negara ini berdepan dengan masalah ketidakcukupan sendiri dalam pengeluaran makanan asas, dan sangat bergantung kepada sumber import, yang mengakibatkan defisit perdagangan makanan meningkat kepada RM31 bilion pada tahun 2022 berbanding RM25 bilion pada tahun 2021. Sebaliknya tanah waqaf menawarkan satu peluang yang unik bagi pengagihan kekayaan dan manfaat sosial. Namun, sistem tadbir urus semasa dalam institusi waqaf seperti masalah pengurusan yang tidak efektif, ketelusan, dan kekurangan sumber manusia yang berkemahiran, telah mengakibatkan banyak tanah waqaf terbiar dan yang tidak digunakan. Walhal, jika dirancang dengan berkesan, tanah-tanah waqaf ini boleh dimanfaatkan secara optimum sebagai satu inisiatif yang menjamin keselamatan makanan di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji amalan terbaik global yang berjaya dalam memaksimumkan penggunaan tanah waqaf bagi menjamin keselamatan makanan. Sebagai contoh reformasi undang-undang untuk menyelaraskan rangka kerja pengawalseliaan yang mengawal harta waqaf, mengadaptasi model kewangan yang lebih fleksibel dan inovatif seperti perkongsian awam swasta (public private partnership), waqaf tunai dan waqaf korporat, penglibatan masyarakat, penggunaan teknologi moden dan teknik pertanian inovatif seperti Sistem Maklumat Geografi (GIS) dan sebagainya. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif, dengan menganalisis bahan primer dan sekunder melalui undang-undang yang sedia ada serta data dari badan pentadbiran yang berkaitan. Selaras dengan dasar negara seperti Visi Kemakmuran Bersama 2030 dan Dasar Agromakanan Negara 2.0, kajian ini bertujuan untuk menyediakan amalan terbaik dan cadangan terbaik bagi rangka kerja undang-undang, strategi, dasar, dan garis panduan untuk meningkatkan pertanian yang mampan dan kesejahteraan masyarakat.*

**Kata Kunci:** *Tanah Waqaf, Inisiatif Keselamatan Makanan, Amalan Terbaik, Malaysia*

**Abstract:** *Malaysia's population, estimated at 33.7 million in 2023, continues to grow at an annual rate of 0.2 percent, leading to an increased need for robust food security initiatives. However, the country faces challenges in achieving self-sufficiency in basic food production, relying heavily on imports, which pushed the food trade deficit to RM31 billion in 2022 from RM25 billion in 2021. On the other hand, waqf land presents a unique opportunity for wealth distribution and social benefits. Nonetheless, current governance within waqf institutions, including issues of ineffective management, transparency, and a lack of skilled human resources, has left much waqf land unused and underutilized. If strategically developed, these waqf lands could be optimally utilized as a viable initiative for food security in Malaysia. This study aims to explore successful global best practices in maximizing waqf land use to ensure food security. Examples include legal reforms to streamline regulatory frameworks governing waqf assets, adopting more flexible and innovative financial models like public-private partnerships, cash waqf, and corporate waqf, community engagement, and leveraging modern technology and agricultural innovations, such as Geographic Information Systems (GIS). This research employs a qualitative approach, analyzing primary and secondary sources, including existing laws and data from relevant administrative bodies. In alignment with national policies such as the Shared Prosperity Vision 2030 and the National Agrofood Policy 2.0, this study seeks to provide best practices and recommendations for legal frameworks, strategies, policies, and guidelines to promote sustainable agriculture and societal welfare.*

**Keywords:** *Waqf Lands, Food Security Initiatives, Best Practices, Malaysia*

## Pengenalan

Keselamatan makanan adalah isu kritikal bagi Malaysia kerana negara ini terus bergelut dengan cabaran dalam pengeluaran pertanian dan kecukupan makanan. Pergantungan negara kepada makanan import telah menyebabkan kerentanan ekonomi yang ketara, seperti yang dibuktikan dengan defisit perdagangan makanan yang mencapai RM31 bilion pada tahun 2022 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Sebaliknya, tanah waqaf, telah lama memainkan peranan penting dalam pembangunan sosioekonomi komuniti Muslim namun sumbernya kurang dimanfaatkan dan walaupun ia berpotensi untuk memperkukuh keselamatan makanan negara. Waqaf merujuk kepada pemberian aset untuk manfaat awam atau agama dan secara tradisinya telah menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi komuniti Muslim (Kahf, 2003). Namun, potensi tanah waqaf untuk menyumbang kepada keselamatan makanan negara masih belum diterokai sepenuhnya di Malaysia akibat cabaran dalam tadbir urus, termasuk kelemahan pengurusan dan kekurangan ketelusan (Abdullah, 2018).

Walau bagaimanapun, dalam beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat kecenderungan yang semakin meningkat untuk meneroka potensi tanah waqaf sebagai sumber strategik dalam meningkatkan jaminan keselamatan makanan, khususnya di negara-negara majoriti Muslim yang mana isu keselamatan makanan kekal sebagai kebimbangan utama. Penggunaan tanah waqaf bagi tujuan pertanian bukan sahaja selaras dengan prinsip waqaf, yang menekankan manfaat yang lahir daripada aset yang kekal untuk komuniti, tetapi juga menyokong matlamat pembangunan lestari dan pengurangan kemiskinan. Oleh itu, bagi memaksimumkan potensi tanah waqaf untuk keselamatan makanan di Malaysia, kajian ini bertujuan untuk menyelidik pendekatan yang telah berjaya di peringkat global dalam memaksimumkan penggunaan tanah waqaf bagi menjamin keselamatan makanan.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif, yang merangkumi analisis kandungan. Analisis kandungan melibatkan kajian literatur berkaitan isu-isu yang berkaitan dengan peningkatan inisiatif keselamatan makanan di Malaysia serta tumpuan yang signifikan kepada penyelidikan perpustakaan. Ini termasuk kajian terhadap semua bahan primer dan sekunder berkaitan penyelidikan dan negara-negara terpilih untuk kajian perbandingan.

Bagi analisis cadangan amalan terbaik, kajian ini meneliti undang-undang berkaitan peningkatan inisiatif keselamatan makanan melalui tanah waqaf di negara-negara seperti Indonesia, Turki, Arab Saudi, dan Tunisia.

## Sorotan Literatur

Waqaf telah lama menjadi asas utama dalam filantropi Islam, dengan akarnya tertanam kukuh dalam struktur sosioekonomi masyarakat Muslim. Konsep waqaf, seperti yang digariskan dalam undang-undang Islam, melibatkan dedikasi harta atau aset secara kekal untuk tujuan keagamaan atau kebajikan. Harta tersebut diuruskan untuk menghasilkan manfaat kepada komuniti, sementara aset asal kekal utuh (Cizakca, 1998).

Asal-usul konsep waqaf dapat dijejaki sejak zaman awal Islam, dengan amalan ini berasaskan amalan Nabi Muhammad SAW yang seterusnya menjadi praktik meluas di dunia Islam, di mana pemerintah, golongan kaya, dan rakyat biasanya menubuhkan waqaf bagi menyokong masjid, madrasah, hospital, dan perkhidmatan awam lain (Kuran, 2001). Pada zaman pertengahan, waqaf memainkan peranan penting dalam ekonomi dan masyarakat Islam. Menurut Cizakca (2000), Empayar Uthmaniyyah menyaksikan perkembangan pesat institusi waqaf, yang

berperanan dalam membiayai pembinaan infrastruktur awam seperti jalan raya, jambatan, dan sistem air. Pendapatan daripada waqaf menyediakan sumber pembiayaan yang mampan untuk projek-projek ini, memastikan penyelenggaraan dan operasinya berterusan walaupun dalam masa kesusahan ekonomi atau ketidakstabilan politik (Hennigan, 2004).

Waqaf secara tradisional dianggap sebagai mekanisme pengagihan kekayaan dalam masyarakat Islam, mengurangkan kemiskinan dan ketidaksetaraan. Pendapatan daripada harta waqaf digunakan untuk aktiviti kebajikan seperti pendidikan, penjagaan kesihatan, dan bantuan kepada golongan miskin (Kuran, 2001). Madrasah dan hospital, yang dibiayai oleh waqaf, menyediakan pendidikan dan rawatan perubatan percuma kepada masyarakat umum, memperkukuh lagi fungsi sosial waqaf. Dalam perkembangan pendidikan, waqaf berperanan penting dengan membiayai madrasah yang menjadi institusi pendidikan utama di dunia Islam. Madrasah ini memainkan peranan dalam pemeliharaan dan penyebaran ilmu, termasuk dalam bidang keagamaan, sains, dan falsafah, serta menyumbang kepada perkembangan ilmu pada zaman pertengahan (Gaudiosi, 1988). Selain itu, waqaf turut menyokong pembangunan ekonomi dengan membiayai pembinaan pasar dan sistem pengairan, yang membantu mempertingkatkan produktiviti pertanian dan perdagangan (Cizakca, 2000).

Walaupun waqaf memainkan peranan penting pada masa lalu, pengaruhnya menurun dalam era moden disebabkan oleh penjajahan dan sistem pentadbiran Barat yang mengikis struktur tradisional waqaf (Kuran, 2011). Namun, minat terhadap waqaf telah dihidupkan semula kerana potensinya dalam menangani cabaran sosioekonomi masa kini, termasuk pembangunan lestari dan pengurangan kemiskinan (Cizakca, 2011). Ini telah membawa kepada pembangunan model waqaf baharu seperti waqaf tunai, waqaf korporat, dan mikrofinans berasaskan waqaf untuk tujuan ekonomi dan sosial.

Dalam pada itu, keselamatan makanan merupakan salah satu cabaran global yang mendesak, dengan dianggarkan lebih 690 juta orang di seluruh dunia mengalami masalah kelaparan dan kekurangan zat makanan (FAO, 2020). FAO mendefinisikan keselamatan makanan sebagai keadaan di mana “setiap individu, pada setiap masa, mempunyai akses fizikal, sosial, dan ekonomi kepada makanan yang mencukupi, selamat, dan berkhasiat untuk kehidupan aktif dan sihat” (FAO, 2006). Konsep keselamatan makanan melibatkan empat dimensi utama iaitu ketersediaan, aksesibiliti, penggunaan, dan kestabilan (Maxwell & Slater, 2003). Di Malaysia, jaminan keselamatan makanan bermaksud memastikan bekalan makanan mencukupi, boleh diakses oleh semua lapisan masyarakat, dan stabil dalam jangka masa panjang.

Banyak negara majoriti Muslim berdepan dengan cabaran keselamatan makanan disebabkan oleh pertumbuhan populasi yang pesat, urbanisasi, kekurangan tanah pertanian, dan kesan perubahan iklim. Walaupun cabaran ini wujud, tanah waqaf yang tidak dimanfaatkan menawarkan peluang untuk menyumbang kepada usaha keselamatan makanan. Waqaf secara tradisi dikaitkan dengan projek kebajikan seperti pembinaan masjid, sekolah, dan hospital. Namun, potensi tanah waqaf untuk pembangunan pertanian dan pengeluaran makanan masih belum diterokai sepenuhnya. Menurut Ismail dan Possumah (2016), jika tanah waqaf diurus dengan baik, ia boleh meningkatkan produktiviti pertanian dan membantu memastikan keselamatan makanan. Inisiatif seperti ini telah diiktiraf oleh kerajaan dan institusi waqaf yang telah memulakan usaha memanfaatkan tanah waqaf bagi tujuan pertanian (Abdullah & Rahman, 2015).

Namun, tanah waqaf sering terbiar disebabkan oleh halangan undang-undang, pentadbiran, dan kewangan. Ini termasuk rangka kerja undang-undang yang tidak seragam, kekurangan peraturan yang standard, dan ketidakcekapan birokrasi dalam pengurusan harta waqaf (Mohamad & Ibrahim, 2019). Institusi waqaf juga berdepan dengan kekangan kewangan yang menyukarkan pelaburan dalam infrastruktur dan teknologi untuk pembangunan pertanian. Selain itu, terdapat kurangnya kesedaran dan wawasan strategik dalam kalangan pentadbir waqaf mengenai potensi tanah waqaf untuk menyumbang kepada inisiatif keselamatan makanan (Cizakca, 1998).

Pengurusan waqaf yang lebih berkesan memerlukan pembaharuan undang-undang, inovasi kewangan, penglibatan komuniti, dan pengambilan amalan terbaik daripada projek waqaf yang berjaya. Sebagai contoh, Malaysia telah melaksanakan projek pembangunan tanah waqaf untuk pertanian, yang telah berjaya meningkatkan pengeluaran makanan dan memperbaiki taraf hidup masyarakat setempat (Abdullah & Rahman, 2015). Namun, kejayaan ini sering bersifat terpencil, dan kekurangan dokumentasi sistematik menghalang replikasi dan peningkatan inisiatif ini di tempat lain.

Kajian menunjukkan bahawa apabila diurus dengan baik, tanah waqaf boleh memainkan peranan penting dalam meningkatkan keselamatan makanan. Projek yang melibatkan penanaman tanaman komersial, penternakan, dan akuakultur bukan sahaja meningkatkan pengeluaran makanan tetapi juga menyediakan sumber pendapatan mampan kepada komuniti tempatan. Walau bagaimanapun, kekangan undang-undang dan birokrasi menghalang pelaksanaan projek pertanian berskala besar (Mohamad & Ibrahim, 2019). Kekurangan sumber kewangan juga menyukarkan pelaburan dalam teknologi dan infrastruktur moden, sementara ketidakseragaman peraturan antara negeri menimbulkan masalah dalam pengurusan aset waqaf (Sulaiman, Ab Rahman, & Muhamad, 2019).

Untuk mengatasi cabaran ini, sesetengah negara telah mengadopsi pendekatan inovatif, seperti kerjasama awam-swasta dan penglibatan badan-badan bukan kerajaan (NGO) untuk memobilisasi sumber dan kepakaran. Kesedaran dan wawasan strategik dalam kalangan pentadbir waqaf juga perlu dipertingkatkan untuk memanfaatkan potensi tanah waqaf dalam pembangunan pertanian. Dengan strategi yang tepat, tanah waqaf dapat dimanfaatkan untuk meningkatkan produktiviti pertanian, memperkukuh keselamatan makanan, dan menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara.

### **Perbincangan dan Analisis Kajian**

Populasi Malaysia, yang dijangka mencecah kira-kira 33.7 juta pada tahun 2023, mencatat kadar pertumbuhan tahunan sederhana sebanyak 0.2% (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Trend demografi ini memperlihatkan peningkatan permintaan terhadap langkah-langkah keselamatan makanan yang kukuh, terutama apabila negara bergantung dengan ketara kepada import makanan. Defisit perdagangan makanan telah meningkat daripada RM25 bilion pada 2021 kepada RM31 bilion pada 2022, yang menyerlahkan cabaran Malaysia dalam mencapai kecukupan diri dalam pengeluaran makanan asas (Dino, 2023). Pergantungan kepada import bukan sahaja mendedahkan negara kepada turun naik pasaran global tetapi juga menimbulkan kebimbangan terhadap kemampuan rantai bekalan makanan, terutama dalam konteks perubahan iklim dan ketidakstabilan ekonomi (Firdaus et al., 2020; Aziz, 2023).

Walaupun terdapat keperluan mendesak untuk memperkukuh keselamatan makanan, sektor pertanian Malaysia terjejas oleh tahap produktiviti yang rendah, terutama dalam kalangan



petani-petani kecil yang masih menggunakan kaedah pertanian tradisional (Dino, 2023). Amalan pertanian tanaman makanan yang tidak cekap menyumbang kepada nisbah kecukupan diri makanan yang rendah, satu isu kritikal bagi keselamatan makanan negara. Di samping itu, impak perubahan iklim memberi ancaman besar kepada hasil pertanian, khususnya pengeluaran padi, yang penting bagi keselamatan makanan negara (Firdaus et al., 2020). Hubungan antara perubahan iklim dan pengeluaran makanan menuntut penilaian semula strategi pertanian secara menyeluruh bagi mengukuhkan keselamatan makanan (Firdaus et al., 2020).

Malaysia menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha mencapai keselamatan makanan. Walaupun merupakan negara yang agak makmur, Malaysia masih bergantung kepada import makanan bagi memenuhi permintaan domestik. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2019), negara mengimport sebahagian besar makanan asas seperti beras, sayur-sayuran, dan daging. Pergantungan kepada import ini mendedahkan Malaysia kepada turun naik pasaran global, gangguan rantai bekalan, dan ketidakstabilan harga, yang boleh memberi kesan buruk kepada keselamatan makanan (Sheng, Shamsudin, & Mohamed, 2010).

Salah satu cabaran utama adalah keterbatasan tanah boleh guna untuk pertanian. Urbanisasi dan perindustrian menyebabkan banyak tanah pertanian ditukar untuk kegunaan bukan pertanian, mengurangkan kawasan bagi pengeluaran makanan (Al-Amin & Jaafar, 2010). Tambahan pula, pemisahan tanah pertanian akibat undang-undang pewarisan telah mengecilkan potensi pertanian berskala besar, seterusnya menjejaskan produktiviti dan keberkesanan sektor pertanian (Mustafa, 2011). Perubahan iklim juga menambah cabaran dengan meningkatkan kejadian cuaca ekstrem seperti banjir dan kemarau, yang mengganggu pengeluaran makanan dan rantai bekalan (Khalid & Shafiai, 2015). Di tengah-tengah cabaran ini, pertumbuhan populasi yang berterusan meningkatkan tekanan terhadap sistem pengeluaran makanan negara.

Kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai dasar dan strategi untuk meningkatkan keselamatan makanan. Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2021-2030) adalah kerangka komprehensif untuk meningkatkan daya saing sektor pertanian dan mengurangkan pergantungan kepada import makanan. Dasar ini menekankan pengeluaran makanan mampan dan penggunaan teknologi inovatif dalam pertanian, seperti tanaman hasil tinggi dan sistem pengurusan air yang cekap (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, 2021). Selain itu, Malaysia turut terlibat dalam kerjasama serantau dan antarabangsa melalui ASEAN, seperti rangka kerja ASEAN Integrated Food Security (AIFS), yang bertujuan memperkukuh keselamatan makanan dan pembangunan pertanian di rantau ini (ASEAN, 2014).

Antara strategi alternatif yang semakin mendapat perhatian ialah penggunaan tanah waqaf untuk tujuan pertanian. Waqaf secara tradisional digunakan untuk tujuan keagamaan, pendidikan, dan sosial. Walau bagaimanapun, kajian terkini menunjukkan bahawa tanah waqaf mempunyai potensi besar dalam menyokong inisiatif keselamatan makanan (Ismail & Possumah, 2016). Di Malaysia, banyak tanah waqaf masih tidak dimanfaatkan sepenuhnya disebabkan oleh cabaran undang-undang, pentadbiran, dan kewangan (Mohamad & Ibrahim, 2019).

Dengan pengurusan strategik, tanah waqaf boleh ditransformasikan menjadi kawasan pertanian produktif yang meningkatkan pengeluaran makanan, mengurangkan pergantungan kepada import, dan memperkukuh rantai bekalan makanan tempatan (Aziz, 2023). Projek perintis di negeri Perlis telah berjaya menggunakan tanah waqaf untuk penanaman padi, memberikan manfaat ekonomi kepada petani dan komuniti (Abdullah & Rahman, 2015).

Amalan terbaik dari negara lain seperti Turki dan Arab Saudi menunjukkan bagaimana reformasi undang-undang dan kerjasama sektor awam-swasta dapat meningkatkan keberkesanan pengurusan waqaf (Cizakca, 2011). Di Turki, Direktorat Jeneral Yayasan (VGM) melaksanakan pembaharuan tadbir urus yang menggabungkan pengurusan profesional dan penggunaan teknologi moden, seperti Sistem Maklumat Geografi (GIS), untuk memantau dan mengurus tanah waqaf dengan lebih efisien (Mohamad & Ibrahim, 2019).

Kerjasama antara sektor awam dan swasta (public private partnership-PPP) telah terbukti berkesan dalam memobilisasi sumber untuk pembangunan pertanian. Sebagai contoh, Badan Waqaf Indonesia (BWI) bekerjasama dengan syarikat agribisnis untuk membangunkan tanah waqaf bagi projek pertanian berskala besar, yang meningkatkan keselamatan makanan dan menyediakan pekerjaan kepada komuniti tempatan (Ismail & Possumah, 2014).

Selain itu, model waqaf tunai dan waqaf korporat telah membantu memobilisasi sumber bagi projek pembangunan tanah waqaf. Di Malaysia, model waqaf korporat melibatkan institusi kewangan Islam yang menyumbangkan sebahagian keuntungan kepada projek waqaf, memperluas impak waqaf kepada sektor seperti pertanian dan keselamatan makanan (Hassan & Shahid, 2010).

Penggunaan teknologi moden seperti blockchain juga berpotensi memperkukuh ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan waqaf. Di Tunisia, penerapan teknik pertanian tepat seperti sistem pengairan titisan pada tanah waqaf telah meningkatkan produktiviti dan kelestarian projek pertanian (Hassan & Shahid, 2010).

Selain itu, untuk meningkatkan peranan tanah waqaf dalam keselamatan makanan, program pembangunan kapasiti diperlukan untuk meningkatkan kemahiran pentadbir waqaf dalam pengurusan pertanian. Penglibatan komuniti juga penting bagi memastikan projek waqaf dapat memenuhi keperluan tempatan dan memperkukuh kesejahteraan masyarakat (Osman & Rahman, 2014).

Secara keseluruhannya, memanfaatkan tanah waqaf untuk pertanian menawarkan peluang unik untuk memperkukuh keselamatan makanan Malaysia. Dengan strategi pengurusan yang inovatif, reformasi undang-undang, dan kerjasama sektor awam-swasta, tanah waqaf boleh menjadi komponen penting dalam mencapai pembangunan pertanian mampan dan kesejahteraan sosial di negara majoriti Muslim dan di seluruh dunia.

### **Kesimpulan dan Cadangan**

Isu keselamatan makanan di Malaysia menyoroti cabaran besar yang dihadapi negara dalam memastikan bekalan makanan yang stabil dan mencukupi. Walaupun kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar untuk menangani cabaran ini, terdapat keperluan untuk strategi yang inovatif dan mampan bagi meningkatkan keselamatan makanan. Penggunaan tanah waqaf untuk tujuan pertanian menawarkan penyelesaian yang menjanjikan. Dengan memanfaatkan sumber yang kurang digunakan ini, Malaysia dapat meningkatkan pengeluaran makanan, mengurangkan kebergantungan kepada import, dan menyumbang kepada kesejahteraan rakyat.

Cabaran pengurusan tanah waqaf bersifat pelbagai dan kompleks, meliputi dimensi undang-undang, pentadbiran, kewangan, sosio-politik, dan sosial, telah menghalang penggunaan efektif tanah waqaf, sekali gus mengehadkan potensinya dalam menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi dan menangani isu semasa seperti keselamatan makanan.

Walau bagaimanapun, kajian amalan terbaik di peringkat global menunjukkan beberapa strategi utama yang telah berjaya memanfaatkan tanah waqaf untuk pembangunan sosioekonomi, terutamanya dalam memperkukuh keselamatan makanan. Antara komponen penting dalam pengurusan tanah waqaf yang berjaya termasuklah kerjasama awam-swasta (public private partnership-PPP), model kewangan inovatif seperti waqaf tunai dan waqaf korporat, integrasi teknologi moden seperti blockchain dan pertanian tepat, penglibatan komuniti dalam perancangan dan pelaksanaan projek, serta reformasi tadbir urus strategik bagi meningkatkan ketelusan dan keberkesanan pengurusan. Diharapkan dengan mengadopsi dan menyesuaikan amalan terbaik ini, institusi waqaf di seluruh dunia dapat memaksimumkan impak tanah waqaf terhadap inisiatif keselamatan makanan dan menyumbang kepada matlamat pembangunan sosioekonomi yang lebih luas.

### Penghargaan

Penyelidikan ini ditaja oleh Institut Penilaian Negara (INSPEN) di bawah geran NAPREC no. 3/2024 dan (100-TNCPI/GOV 16/6/2 (049/2024) yang bertajuk “Assessing the Efficacy and Acceptance of Waqf Legal Framework to Maximize Waqf Real Estate Resources in Contributing of National Food Security Initiatives: A Comprehensive Study”.

### Rujukan

- Abdullah, M., & Rahman, A. R. A. (2015). Developing Waqf Land for Agribusiness: Prospects and Challenges. *International Journal of Social Economics*, 42(8), 696-707.
- Abdullah, M. (2018). Waqf Governance and Its Role in Poverty Alleviation: A Case Study of Malaysia. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 11(4), 679-694.
- Al-Amin, A. Q., & Jaafar, M. (2010). Urbanization and Its Impact on Agricultural Land Use in Malaysia. *Journal of Sustainable Development*, 3 (1): 123-134.
- ASEAN. (2014). *ASEAN Integrated Food Security (AIFS) Framework and Strategic Plan of Action on Food Security (SPA-FS) in the ASEAN Region 2015-2020*. ASEAN Secretariat.
- Aziz, N. (2023). An Exploratory Study On Issues Of Food Security And Legal Remedies In Malaysia And Thailand. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(6).
- Cizakca, M. (1998). Awqaf in History and Its Implications for Modern Islamic Economies. *Islamic Economic Studies*, 6(1), 43-70.
- Cizakca, M. (2000). *A History of Philanthropic Foundations: The Islamic World from the Seventh Century to the Present*. Istanbul: Bogazici University Press.
- Cizakca, M. (2011). *Islamic Capitalism and Finance: Origins, Evolution and the Future*. Edward Elgar Publishing.
- Dino, F. (2023). Factors Influencing Small-Holder Food Crops Farmers' Adoption Intention Behaviour On Modern Agricultural Technology Among The Non-Adopter In Sarawak's Rural Areas. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(12).
- FAO. (2006). *Food Security*. Policy Brief, June 2006, Issue 2. Food and Agriculture Organization of the United Nations.
- FAO. (2020). *The State of Food Security and Nutrition in the World 2020*. Food and Agriculture Organization of the United Nations.



- Firdaus, R., Tan, M., Rahmat, S., & Gunaratne, M. (2020). Paddy, Rice And Food Security In Malaysia: A Review Of Climate Change Impacts. *Cogent Social Sciences*, 6(1).
- Gaudiosi, M. M. (1988). The Influence of the Islamic Law of Waqf on the Development of the Trust in England: The Case of Merton College. *University of Pennsylvania Law Review*, 136(4), 1231-1261.
- Hassan, R., & Shahid, A. (2010). Corporate Waqf: A New Paradigm for Islamic Philanthropy. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 3 (4): 338-352.
- Hennigan, M. (2004). The Role of Waqf in the Development of the Islamic Economy. In *Islamic Economics: Theory and Practice*, edited by A. A. Al-Obaid, 123-145. London: Routledge.
- Ismail, A., & Possumah, B. T. (2016). Waqf Land Management and Its Impact on Agricultural Productivity in Malaysia. *International Journal of Islamic Economics and Finance*, 9 (1) 1-12.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). Malaysia Population Statistics. Retrieved from <https://open.dosm.gov.my/dashboard/population>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). *Supply and Utilization Accounts Selected Agricultural Commodities, Malaysia 2014-2018*. Putrajaya: DOSM.
- Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. (2021). *Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0)*. Malaysia: MAFI.
- Kahf, M. (2003). The Role of Waqf in Improving the Ummah Welfare. Paper presented at the International Seminar on Waqf as a Private Legal Body, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Khalid, N., & Shafiai, M. (2015). Climate Change and Its Impact on Food Security in Malaysia. *International Journal of Climate Change Strategies and Management*, 7 (3): 373-386.
- Kuran, T. (2001). The Provision of Public Goods under Islamic Law: Origins, Impact, and Limitations of the Waqf System. *Law and Society Review*, 35(4), 841-898.
- Kuran, T. (2011). The Provision of Public Goods under Islamic Law: Origins, Impact, anLimitations of the Waqf System. *Law and Society Review*, 35(4), 841-898.
- Magda, A. M. (2008). *Corporate Waqf: A New Financial Product*. Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Maxwell, S., & Slater, R. (2003). Food Policy Old and New. *Development Policy Review*, 21(5-6), 531-553.
- Mohamad, M. H., & Ibrahim, S. H. M. (2019). Waqf Agricultural Land Development: Issues and Challenges in Malaysia. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 10(4), 556-567.
- Mustafa, M. (2011). The Impact of Land Fragmentation on Agricultural Productivity in Malaysia. *Journal of Agriculture and Rural Development in the Tropics and Subtropics* 112 (2): 145-153.
- Osman, F., & Rahman, A. A. (2014). The Potential of Waqf Funds in Financing the Development of Islamic Higher Education in Malaysia. *International Education Studies*, 7(6), 119-126).
- Sheng, Y. K., Shamsudin, M. N., & Mohamed, Z. (2010). Food Security in Malaysia: Issues and Challenges. *International Journal of Public Administration*, 33(8-9), 486-495.
- Sulaiman, A., Ab Rahman, A. R., & Muhamad, N. (2019). Challenges in Waqf Asset Management: A Study on Regulatory Framework and Financial Resources. *International*

*Journal of Islamic Economics and Finance*, 12 (1): 45-60.